

10 MAR 2001

Osu-Penggiliran

OSU NAFI TERIMA SURAT PM MENGENAI PENGGILIRAN KETUA MENTERI

KOTA KINABALU, 10 Mac (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Osu Sukam hari ini menafikan bahawa beliau telah menerima sepucuk surat dari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung isu penggiliran jawatan ketua menteri Sabah.

"Saya tidak ingat menerima sepucuk surat tetapi kalau adapun...sudah tentu bukan mengenai penggiliran," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pelancaran buku "Sumbangan UKM Dalam Pembangunan Sabah" di Yayasan Sabah di sini.

Ketika ditanya sama ada Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Abdul Aziz Samsuddin menemui beliau Khamis lepas, Osu berkata: "Orang datang...ada yang buat kunjungan hormat, ada yang buat lawatan ke Sabah, macam-macam yang berlaku dalam perjumpaan tetapi bukan soal penggiliran".

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kehadiran Abdul Aziz yang kononnya sebagai utusan Perdana Menteri untuk menyerahkan sendiri surat berkenaan kepada Osu pada hari tersebut.

Ditanya sama ada isu penggiliran jawatan ketua menteri menjejaskan tugas harian, Osu berkata: "Saya sendiri tidak apa-apa...saya buat kerja seperti biasa".

"Kita serahkan kepada Perdana Menteri untuk memutuskan hal ini dan kita akur dengan apa juga keputusan yang diambil," katanya.

Semalam, Dr Mahathir berkata kepentingan rakyat Sabah dan pembangunan negeri itu akan menjadi kriteria dalam pertimbangan sama ada sistem penggiliran ketua menteri Sabah akan diteruskan atau sebaliknya.

Perdana Menteri juga berkata selain itu, kepentingan Barisan Nasional (BN) dan parti-parti komponen BN akan turut diambil kira.

Sistem penggiliran itu dicadangkan oleh Dr Mahathir ketika Sabah menghadapi kempen pilihan raya negeri 1994 dan dilaksanakan apabila BN mengambil alih tampuk pemerintahan negeri pada Mac tahun yang sama.

Sistem yang unik itu adalah bagi membolehkan pemimpin tiga kaum utama di Sabah -- Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam -- menerajui kerajaan negeri bagi tempoh dua tahun setiap seorang.

Jawatan itu kini disandang oleh Osu, yang juga pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, dan sekiranya sistem itu diteruskan tempoh perkhidmatan beliau akan berakhir kira-kira seminggu dari sekarang.

-- BERNAMA

NT AKD